

Kampung tradisional hampir lenyap

» Pembangunan melampau di Pulau Pinang punca banjir, tanah runtuh

Oleh Anis Nabilla Md Wazilah
bhnews@bh.com.my

■ Georgetown

Masalah pembangunan di Pulau Pinang semakin serius selepas kerajaan pakatan pimpinan DAP diberi mandat untuk mentadbir negeri ini.

Kegiatan tebus guna tanah termasuk menghapuskan kampung tradisional untuk memberi laluan kepada projek mega dengan konsep pembangunan bercampur dilaksanakan meskipun mendapat bantahan pelbagai pihak.

Antara kawasan dikenal pasti terbabit dengan projek berkenaan Sungai Nibong, Bayan Lepas, Jelutong, Tanjung Tokong dan Batu Feringghi.



Sebahagian kawasan **Kampung Pokok Asam, Jelutong** yang terbabit dalam pembangunan di Pulau Pinang.

[FOTO AMIR IRSYAD OMAR/BH]

Kesan pembangunan berkenaan dapat dilihat dengan berlakunya kes tanah runtuh dan banjir kilat yang melanda negeri ini, baru-baru ini.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) dan Sahabat Alam Malaysia (SAM), SM Mohamed Idris, berkata pembangunan yang dilaksanakan keterlaluan dan rakus seolah-olah kerajaan

negeri tidak kisah apa yang bakal berlaku kepada alam sekitar dan penduduknya.

"Pembangunan pesat di Pulau Pinang mengundang pelbagai bencana kerana tidak mampu menanggung beban pembangunan dari bukit ke pantai termasuk kampung tradisional semakin hilang akibat arus pembangunan.

"Negeri ini sudah menjadi syur-

ga pemaju dan keaslian Pulau Pinang sudah mula hilang," katanya di sini, semalam.

SM Mohamed berkata, hasrat kerajaan negeri untuk mengubah Pulau Pinang menjadi sebuah bandar antarabangsa tidak seharusnya dijadikan matlamat utama.

"Memandu di negeri ini sudah menjadi perkara yang menakutkan akibat kesesakan. Bangunan

tinggi juga dibina di kawasan yang kurang sesuai termasuk di lereng bukit.

"Sama ada bangunan berkenaan sudah diduduki sepenuhnya atau belum, bukan persoalan yang boleh dibangkitkan kerana kerajaan negeri akan tetap memperjuangkan pembangunan berkenaan," katanya.

Pengerusi Persatuan Alam Sekitar Malaysia Cawangan Pulau Pinang, D Kanda Kumar, berkata pembangunan melampau yang dilaksanakan pemaju tanpa kawalan oleh kerajaan negeri ini menyumbang kepada berlakunya banjir kilat di banyak kawasan di Pulau Pinang.

Katanya, kegagalan sistem paritan berfungsi dengan baik dipercayai adalah punca utama air mudah melimpah membanjiri banyak jalan raya dan rumah kediaman di bandar ini.

"Memang ramai penduduk yang terjejas akibat banjir kilat ini dan berdasarkan situasi kita percaya ia berpunca daripada pembangunan melampau akibat pelbagai projek hartanah yang tidak dikawal pihak berkuasa negeri," katanya.